



PERSATUAN BANK SINGAPURA



Lindungi Keselamatan
Kad Kredit Anda...

Sama
Seperti Wang
Tunai Anda



RANCANG WANG
MASA DEPAN CERAH

Program Pendidikan Kewangan Kebangsaan

Bermula dari 1 November 2009, semua bank akan menghadkan tanggungan pemegang kad bagi pembayaran tanpa kebenaran sebelum anda membuat laporan bagi kehilangan atau kecurian kad kredit anda. Tetapi anda masih bertanggungjawab bagi transaksi yang tidak diluluskan itu jika anda bertindak dengan berniat untuk menipu, dengan jelas bertindak cuai atau gagal memberitahu bank sejurus anda menyedari kad kredit anda sudah hilang atau dicuri.

Untuk melindungi diri anda:

1. Anggap kad kredit seperti wang tunai. Jangan sekali tinggalkan kad kredit tanpa perlindungan atau dokumen yang mengandungi butirannya di tempat yang mudah dicuri.
2. Turunkan tandatangan pada kad kredit dengan dakwat kekal sebaik sahaja anda menerimanya.
3. Jangan berikan butir kad kredit anda kepada orang yang anda tidak kenal. Hafal nombor PIN atau kata laluan dan jangan beritahu sesiapa.
4. Jika anda melakukan pembelian dalam talian atau melalui telefon, langgan kedai-kedai yang bereputasi baik dan yang sah. Gunakan kad kredit yang mempunyai had kredit yang rendah dan jangan menggunakan komputer yang dikongsi.
5. Simpan resit penjualan, penyata bil dan lain-lain dokumen yang mengandungi butir kad kredit dengan selamat. Apabila membuangnya, koyakkan keseluruhannya. Potong kad-kad kredit yang sudah luput tarikhnya.
6. Simpan nombor kad kredit dan nombor telefon bank-bank yang anda langgan.
7. Periksa penyata kad kredit dengan segera, terutama selepas pulang dari luar negara. Hubungi bank dengan segera jika terdapat percanggahan.
8. Kerap kali periksa bahawa kad kredit ada bersama anda.
9. Hubungi bank dengan segera jika kad kredit atau maklumat kad kredit anda hilang atau dicuri. Catat masa dan tarikh anda melaporkannya.

Untuk lebih lanjut, sila rujuk ke panduan “Kad Kredit – Apa yang perlu anda tahu” ABS-MoneySENSE di www.abs.org.sg atau www.moneysense.gov.sg